

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

KAWASAN : POKOK SENA

TARIKH : 11 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

**YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA) minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-**

- (a) sudah berapa kali pindaan pada terma-terma perjanjian dengan syarikat konsesi tol lebuh raya sejak perjanjian tersebut dimeterai, nyatakan apakah terma-terma yang telah dipinda; dan

- (b) apakah langkah-langkah masa depan dalam menangani kadar kenaikan tol bagi konsesi lebuh raya yang sepatutnya mendapat kenaikan kadar tol selain dari membayar pampasan.

JAWAPAN:

(a) & (b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Perjanjian Konsesi yang pertama telah ditandatangani oleh Kerajaan pada tahun 1984 dengan Shapadu Properties, klausula-klausula dalam perjanjian konsesi telah melalui penambahbaikan untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah klausula perkongsian hasil antara Kerajaan dan syarikat konsesi, penetapan *Key Performance Indicators* (KPI) untuk memastikan lebuh raya sentiasa berada dalam keadaan yang selesa dan selamat serta pengiraan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) syarikat untuk membolehkan penamatan awal perjanjian konsesi apabila IRR yang dipersetujui dicapai.

Selain itu, klausula-klausula baru yang lain yang telah dimasukkan ke dalam perjanjian – perjanjian konsesi lebuh raya yang terkini termasuk perjanjian konsesi tambahan adalah seperti berikut:

- i. *Toll Review Mechanism* di mana kenaikan tol adalah tidak automatik;
- ii. penetapan *Level of Service* iaitu naik taraf lebuh raya berdasarkan bilangan trafik; dan
- iii. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di mana syarikat konsesi digalakkan menjalankan pelbagai program berbentuk sosial seperti diskaun tol di musim-musim perayaan untuk pengguna lebuh raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang pindaan terhadap perjanjian konsesi adalah tertakluk kepada persetujuan bersama syarikat konsesi serta pemberi pinjaman dan pelabur. Dalam hal ini, Kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi sedang mengenalpasti kaedah-kaedah penyelesaian terbaik di mana akan memberi situasi ‘win-win’ kepada Kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan pengguna.

Sekian. Terima kasih.